

18 MAY 2000

Tertinggi-Promosi

LELAKI TERTINGGI DI DUNIA INGIN MENGENALI LANJUT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Lelaki tertinggi di dunia, Zafar Ullah Satti, yang kini berada di negara ini untuk tujuan promosi dan publisiti, belum menemui orang atau pertubuhan tertentu yang dapat membantu beliau memenuhi impiannya.

Dalam satu temubual dengan Bernama di sini, Zafar Ullah, 27 melahirkan perasaan bahawa lawatannya mungkin tidak berhasil.

Zafar Ullah, setinggi 2.28 meter dan mempunyai berat badan 150 kilogram juga berharap untuk mendapat pekerjaan sebagai pelakon dengan syarikat perfileman tempatan semasa berada di negara ini.

Rakyat Pakistan itu yang berada di sini sejak 10 Mei akan berlepas ke Singapura pada 26 Mei.

Selain usaha publisiti yang beliau bercadang untuk jalankan, Zafar Ullah juga berharap untuk menghadiri majlis-majlis amal untuk membolehkan beliau menyampaikan mesej khas bagi pihak orang cacat dan terencat akal.

"Saya mahu memberitahu masyarakat terutamanya pihak berkenaan, supaya memberi layanan yang sama rata kepada orang seperti kami yang bukan seperti orang biasa.

"Kami juga manusia dan kami mahu hidup seperti juga manusia biasa," kata beliau yang bercakap melalui penterjemah.

Zafar Ullah berkata walaupun beliau suka tarikan yang diperolehinya pabila berada di khalayak ramai, hidupnya ada kalanya kesunyian.

"Beliau tidak boleh mengunjungi rumah kawan atau saudara-mata tanpa memberi mereka dahulu. Beliau selalu beranggapan bahawa beliau akan menyusahkan mereka kerana terpaksa menyediakan kerusi atau katil tambahan," kata sepupunya, Dr Zafar Ahmed Satti yang mengiringi Zafar Ullah semasa lawatan itu.

Dr Zafar Ahmed berkata, menjadi manusia tertinggi di dunia juga bermakna Zafar Ullah menarik perhatian ramai orang dan ini menyebabkan beliau kadang-kala menjauhkan diri daripada masyarakat dan memencilkan diri dalam biliknya.

Zaffar Ullah berkata sepupunya mahu dunia memahami nasibnya sebagai manusia tertinggi yang bermakna pihak berkenaan terpaksa membuat persediaan khas untuk berbuat sesuatu seperti tidur atau makan.

Hakikat ini diakui oleh pekerja hotel, tempat beliau menginap di sini.

"Dia terpaksa tidur dengan kakinya diletakkan di atas kerusi. Kami meletakkan tilam tambahan di atas katil supaya dia berasa selesa," kata seorang pekerja hotel.

Seorang lagi pekerja yang menghantar makanan ke biliknya berkata Zaffar Ullah terpaksa makan dalam biliknya kerana orang asyik memerhatikannya semasa dia sedang makan.

Zaffar Ullah juga melahirkan harapan untuk menemui pemimpin negara terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikaguminya.

-- BERNAMA

RAZ GM FAZ